



Headline: Pekebun rugi RM27,000
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 7 September 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 29

Pekebun rugi RM27,000

KUANTAN - Seorang pekebun sanggup membayar RM27,000 kepada lelaki tidak dikenali yang menghubunginya melalui panggilan telefon kerana tidak mahu dipenjarakan.

Lelaki berusia 29 tahun yang bekerja di Tanah Rata tersebut dihubungi sindiket Macau Scam pada Mei lalu tetapi tidak menyimpan syak wasangka sehingga dia sekali lagi dihubungi suspek yang meminta RM50,000 kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd Yusof berkata, suspek menghubungi mangsa mengatakan dia terlibat dalam kes



MOHD WAZIR

penipuan duit syarikat.

Menurutnya, mangsa digugut jika gagal membayar RM27,000 pihak polis akan menangkapnya.

“Bimbang ditahan pihak berkuasa, mangsa menyerahkan wang melalui

beberapa transaksi,” katanya.

Beliau berkata, walaupun sudah menyerahkan sejumlah wang yang banyak, mangsa sekali lagi diganggu dan suspek meminta RM50,000 untuk menyelesaikan kes tersebut.

“Menyedari ditipu, mangsa membuat laporan polis di IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Cameron Highlands.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun keseksaan,” katanya.